



Asia perlukan Gereja yang mendengar

JAKARTA: Federasi Konferensi para Uskup Asia (FABC) mengakui bahawa budaya klerikalisme masih menjadi antara halangan utama yang menjejaskan penyertaan dan tanggungjawab bersama dalam kehidupan Gereja. Sehubungan itu, para uskup menyeru seluruh Gereja agar terus memperdalam budaya mendengar, mengadakan penegasan bersama (*discernment*) dan mengamalkan kepimpinan yang berasaskan pelayanan.

Dalam mesej penutup Perhimpunan Agung FABC Ke-12, para uskup menegaskan bahawa klerikalisme “boleh menghalang persekutuan, penyertaan dan tanggungjawab bersama dalam kalangan semua yang telah dibaptis.”

“Keadaan ini menuntut kita terus mengalami pembaharuan pastoral dan sinodal, dengan membina budaya yang mengutamakan sikap saling mendengar, penegasan bersama dan kepimpinan sebagai satu pelayanan,” tulis mereka.

Perhimpunan yang berlangsung di Jakarta dari Julai 20 hingga 26 itu menghimpunkan para uskup Asia bersama para delegasi, ra-

kan kerjasama dan sahabat dari pelbagai negara di bawah tema “Kamu akan melihat perkara-perkara yang lebih besar daripada ini” yang dipetik daripada Injil Yohanes.

Para uskup menegaskan bahawa sinodaliti bukan sekadar satu kaedah bekerja bersama, tetapi merupakan jalan pembaharuan yang mengarahkan Gereja kepada misinya.

“Sebelum sinodaliti mengubah struktur Gereja, ia terlebih dahulu mengubah hati kita. Sebelum memperbaharui institusi, ia terlebih dahulu memperbaharui hubungan sesama kita,” menurut mesej itu.

Sepanjang perhimpunan tersebut, para peserta mencapai kesepakatan bahawa Gereja di Asia dipanggil menjadi “jambatan dan pembina jambatan” melalui pembaharuan sinodal yang berterusan, sambil menghargai kepelbagaian budaya, bangsa dan tradisi yang mewarnai benua Asia.

Dalam mesej itu, para uskup turut mengenal pasti beberapa cabaran besar yang sedang dihadapi Asia, antaranya polarisasi masyarakat, kelemahan institusi antarabangsa, budaya yang mengagungkan kuasa, perkembangan teknologi yang begitu pantas, penghijrahan, kemerosotan alam sekitar, penyusutan ruang demokrasi serta

jurang sosial dan ekonomi yang semakin melebar.

Namun, mereka menegaskan bahawa semua cabaran itu tidak seharusnya dilihat sebagai halangan semata-mata.

Sebaliknya, ia membuka peluang kepada Gereja untuk memperkukuh kesaksiannya melalui pendidikan, dialog antara agama, budaya saling menerima, pemeliharaan alam ciptaan serta komitmen yang lebih mendalam terhadap martabat manusia dan semangat solidariti.

Para uskup turut menggesa setiap Gereja tempatan agar menjadi pembina “jambatan kepercayaan dan dialog ketika orang lain membina tembok kecurigaan,” serta membina “jambatan perdamaian apabila keganasan dan konflik memecah-belahkan masyarakat.”

Selain itu, Gereja juga dipanggil membina “jambatan belas kasihan” bagi golongan miskin, mereka yang rentan dan tersisih yang mendambakan kehidupan yang bermaruah. Kepada golongan muda pula, Gereja diajak menjadi “jambatan harapan” ketika ramai mencari arah hidup di tengah-tengah perubahan teknologi, dunia yang semakin berpecah-belah dan krisis alam sekitar.

Sebagai lambang misi Gereja di Asia yang kaya dengan kepelbagaian agama, para uskup merujuk kepada Terowong Persahabatan yang menghubungkan Katedral *Our Lady of the Assumption* dengan Masjid Istiqlal di Jakarta.

“Iman kita memanggil kita untuk membina jambatan, bukannya tembok pemisah,” tulis mereka.

FABC turut memperbaharui komitmennya untuk terus bekerjasama dengan komuniti Kristian yang lain, pelbagai agama dan budaya dalam memperjuangkan kebenaran, keadilan, keamanan serta pemeliharaan alam sekitar.

Pada masa yang sama, para uskup berikrar untuk terus berjalan bersama golongan miskin dan mereka yang rentan sebagai teman seperjalanan, di samping menyahut seruan mendesak kepada pertobatan ekologi, supaya generasi akan datang dapat mewarisi dunia yang lebih mencerminkan kebaikan dan kasih Sang Pencipta.

Mesej penutup itu ditandatangani oleh Presiden FABC, Kardinal Filipe Neri Ferrão, yang juga Uskup Agung Goa dan Damão, bagi pihak seluruh anggota Perhimpunan Agung FABC pada Julai 26. **LiCAS News**

Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,
Engkau memanggil kami
untuk berjalan bersama sebagai umat-Mu,
ditarik ke dalam kehidupan persekutuan
Bapa, Putera, dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap
untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026.
Ajarlah kami untuk mendengar dengan
mendalam, untuk menilai dengan setia,
dan untuk mempercayai ke mana
Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu
empat aspek yang sedang kami

pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami,
agar mereka menjadi tempat cinta,
iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami,
agar kami dapat berkembang dalam
persekutuan, penyertaan, dan saksi yang
penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan ciptaan,
agar kami dapat menjaga bumi
dengan rasa hormat, tanggungjawab,
dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam
komuniti, agar kami dapat mencari
keadilan, mempromosikan keamanan,
dan berdiri dalam solidariti dengan yang
miskin dan yang terpinggir.

Ketika arah tuju pastoral lahir
daripada pertimbangan kami, semoga ia
memperkaya dan menguatkan komuniti
iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bonda Gereja,
yang merenungkan Firman-Mu dan
berjalan dalam iman, ajarilah kami untuk
berjalan bersama dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar
dalam Kristus, penuh perhatian
terhadap satu sama lain,
dan terbuka kepada
karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini
membantu kami hidup dengan lebih setia
sebagai satu Gereja Katolik Malaysia,
melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.
Amin

(terjemahan-HERALD)

Api Penyucian

Kebanyakan denominasi Kristian tidak menerima ajaran tentang api penyucian (purgatori). Ajaran ini sering dianggap sebagai ajaran yang khusus bagi Gereja Katolik. Namun begitu, dalam kalangan umat Katolik sendiri, api penyucian juga sering disalahfaham sebagai suatu tempat yang terpisah daripada syurga, seolah-olah merupakan sebuah destinasi sementara sebelum seseorang dibenarkan memasuki syurga.

Sebenarnya, pemahaman itu kurang tepat.

Kitab Suci menyatakan bahawa tujuan akhir manusia ialah syurga atau neraka. Maka, purgatori bukanlah suatu tempat ketiga, tetapi pengalaman penyucian oleh kasih Tuhan sebelum seseorang memasuki kepenuhan hidup bersama-Nya.

Ia ialah proses penyucian yang berlaku apabila seseorang dibanjiri oleh kasih Tuhan. Dalam cahaya kasih-Nya, segala ilusi bahawa manusia mampu hidup tanpa bergantung kepada Tuhan mula runtuh. Penyucian itu menyakitkan, tetapi pada masa yang sama menyembuhkan dan membebaskan.

Untuk memahami maksudnya dengan lebih jelas, izinkan saya berkongsi dua kisah.

Beberapa tahun lalu, saya membimbing seorang lelaki muda yang sedang melalui penderitaan yang tidak pernah dialaminya sebelum itu. Dia telah jatuh cinta kepada seorang wanita yang luar biasa baik dan sedang membuat persiapan untuk mendirikan rumah tangga.

Sebelum mengenali wanita tersebut, dia menjalani kehidupan yang tidak bertanggungjawab.

Dia menjalani kehidupan pergaulan seksual yang tidak bermoral, selesa dengan sikap angkuhnya dan langsung tidak menyedari kelemahan dirinya sendiri. Wanita yang dicintainya mengetahui seluruh kisah silamnya, namun tidak pernah mengungkit atau menghakimi-nya.

Sebaliknya, wanita itu menerima, mengasihi

dan mengampuninya tanpa syarat.

Di situlah bermulanya perjuangan sebenar. Apabila dia dikasihi oleh seorang yang begitu baik, murah hati dan berakhlak mulia, dia mula melihat dirinya sendiri dengan lebih jujur.

Kasih wanita itu menjadi cahaya yang menerangi jiwanya. Dalam terang kasih itu, dia melihat segala kelemahan yang selama ini tersembunyi—keangkuhan, sikap mementingkan diri dan ketidakbertanggungjawaban. Kesedaran itu amat menyakitkan, namun itulah kuasa kasih sejati: membuka mata seseorang untuk melihat dirinya sebagaimana adanya.

Namun dia memilih jalan yang benar. Dia mendapatkan pertolongan melalui Sakramen Pengakuan Dosa, bimbingan rohani dan kaunseling psikologi. Anehnya, kasih wanita itu yang begitu tulus dan tanpa syarat menjadi punca kepada penderitaan paling mendalam yang pernah dialaminya.

Buat pertama kalinya dalam hidup, dia merasai apa yang boleh disebut sebagai pengalaman purgatori.

Izinkan saya berkongsi satu lagi kisah: Beberapa tahun lalu, saya menghadiri pengebumian seorang lelaki yang meninggal dunia pada usia 90 tahun.

Sepanjang hidupnya, beliau dikenali sebagai seorang yang baik, teguh dalam iman, bapa kepada sebuah keluarga besar, dihormati masyarakat dan terkenal kerana kemurahan hatinya.

Namun beliau juga seorang yang berperwatakan tegas, berbakat, memiliki kepimpinan semula jadi dan sentiasa menjadi tempat orang lain bergantung untuk membuat keputusan.

Tidak hairanlah beliau pernah memegang

pelbagai jawatan penting dalam masyarakat. Beliau sudah terbiasa memimpin, mengatur dan mengawal keadaan.

Semasa Misa pengebumiannya, salah seorang anak lelakinya yang merupakan seorang imam Katolik menyampaikan homili yang cukup menyentuh hati.

“Kitab Suci mengatakan umur manusia tujuh puluh tahun, atau lapan puluh tahun jika kuat. Tetapi ayah kami hidup sehingga sembilan puluh tahun. Mengapa? Kerana Tuhan memerlukan dua puluh tahun lagi untuk melembutkan hatinya. Dan syukur kepada Tuhan, proses itu berjaya.”

Sepuluh tahun terakhir hidupnya dipenuhi kehilangan dan kelemahan. Isterinya meninggal dunia, dan beliau tidak pernah benar-benar pulih daripada kesedihan itu. Tidak lama kemudian, beliau diserang angin ahmar sehingga terpaksa tinggal di sebuah pusat jagaan.

Bagi seseorang yang sepanjang hidupnya begitu berdikari dan sentiasa mengurus orang lain, keadaan itu merupakan satu tamparan yang amat besar.

Pada tahun-tahun terakhir hidupnya, beliau bergantung sepenuhnya kepada orang lain untuk menguruskan keperluan hariannya. Pegalaman itu benar-benar merendahkan egonya. Namun melalui kelemahan itulah, hati-nya semakin dilembutkan. Setiap kali ada yang datang melawat, beliau akan menggenggam tangan mereka sambil berkata, “Tolong saya.”

Sejak berusia lima tahun, ketika sudah mampu mengikat tali kasutnya sendiri, hampir tidak pernah lagi beliau mengucapkan kata-kata itu. Kini, pada penghujung hayatnya, itulah ungkapan yang paling kerap keluar daripada bibirnya.

Apabila saat kematiannya tiba, beliau benar-benar telah bersedia. Saya membayangkan bahawa ketika beliau bertemu Yesus dan Santo Petrus, beliau hanya menghulurkan tangan sambil berkata, “Tolong saya.”

Kisah ini menggambarkan perjalanan yang akhirnya perlu dilalui oleh setiap manusia. Sama ada melalui pilihan hidup mahupun pengalaman yang tidak pernah kita minta, akhirnya kita akan sampai kepada kesedaran yang sama: kita tidak mampu hidup bersendirian.

Kita memerlukan pertolongan. Kita memerlukan orang lain. Kita memerlukan komuniti. Kita memerlukan rahmat. Dan di atas segala-galanya, kita memerlukan Tuhan.

Kesakitan ketika melepaskan ilusi bahawa kita mampu berdikari sepenuhnya itulah yang dinamakan purgatori.

Api penyucian bukanlah suatu tempat, tetapi proses pemurnian oleh kasih Tuhan. Hati manusia perlu mati terhadap keangkuhan dan ego agar dapat dibaharui sepenuhnya oleh rahmat-Nya.

Proses ini bukan hanya relevan bagi umat Katolik, tetapi menggambarkan perjalanan rohani setiap insan yang akhirnya dipanggil untuk membuka diri sepenuhnya kepada kasih Tuhan.

Apabila kita meninggal dunia, Tuhan memeluk setiap hati yang terbuka kepada kasih-Nya. Dalam pelukan kasih itulah segala yang belum murni disucikan. Penyucian itu mungkin menyakitkan, namun bukan hukuman, sebaliknya ungkapan kasih Tuhan yang mempersiapkan kita untuk hidup bersama-Nya selama-lamanya.

Di sinilah terletak paradoks kasih Tuhan. Kasih-Nya membawa sukacita, namun pada masa yang sama memurnikan segala yang belum sempurna dalam diri kita.

Melalui penyucian itulah kita akhirnya dipersiapkan untuk menikmati kepenuhan hidup bersama Tuhan selama-lamanya. **Fr Ron Rolheiser @ Hak Cipta Terpelihara 1999-2026**

Kasih Tuhan mengatasi segala ribut

Setiap orang pernah melalui saat di mana hidup terasa seperti sebuah perahu kecil yang dipukul ombak.

Ada kalanya badai itu datang dalam bentuk penyakit, kehilangan orang yang dikasihi, masalah kewangan, kegagalan dalam pekerjaan, atau hubungan keluarga yang semakin renggang.

Kita berusaha mendayung sekuat hati, namun ombak terus menghempas dan angin seolah-olah menolak kita semakin jauh daripada pantai harapan.

Pada saat-saat seperti itulah, kita sering bertanya: “Di manakah Tuhan? Mengapa Dia seolah-olah diam ketika aku sangat memerlukan-Nya?”

Sabda Tuhan pada hari ini mengajar bahawa Tuhan tidak semestinya menyatakan kehadiran-Nya dalam cara yang kita jangkakan. Sebaliknya, Dia datang dengan cara yang lembut, tenang dan penuh kasih.

Dalam bacaan pertama daripada Kitab Raja-raja pertama, Nabi Elia melarikan diri ke Gunung Horeb kerana ketakutan dan keputusasaan.

Tuhan menyuruhnya berdiri di hadapan-Nya. Lalu datanglah angin yang sangat kuat, gempa bumi dan api. Namun Tuhan tidak memperlihatkan diri-Nya melalui semua itu. Akhirnya, Elia mendengar “suara angin sepoi-sepoi bahasa”, dan di situlah Tuhan menyatakan kehadiran-Nya (1 Raj 19:11-13).

Pengalaman Elia mengingatkan kita bahawa Tuhan tidak sentiasa berbicara melalui perkara yang luar biasa.

Selalunya Dia hadir dalam keheningan doa, suara hati nurani, kata-kata yang menguatkan daripada seorang sahabat, pelukan ahli keluarga, atau damai yang perlahan-lahan memenuhi hati selepas kita menyerahkan segala-galanya kepada-Nya.



Malangnya, dunia hari ini lebih menggemari bunyi yang kuat daripada keheningan.

Telefon bimbit sentiasa berbunyi, media sosial dipenuhi pelbagai pandangan, dan jadual harian kita dipenuhi pelbagai urusan.

Dalam kesibukan itu, suara Tuhan mudah tenggelam. Kita mencari jawapan di mana-mana, tetapi jarang meluangkan masa untuk diam di hadapan Tuhan.

Bacaan kedua pula memperlihatkan hati Santo Paulus yang penuh kasih terhadap bangsanya.

Walaupun ramai orang Israel tidak menerima Kristus, Paulus tidak membalas dengan kemarahan atau penghinaan.

Sebaliknya, beliau berkata bahawa hatinya dipenuhi kesedihan dan kedukaan yang mendalam (Roma 9:2). Bahkan beliau menyatakan kesediaannya untuk menanggung segala-galanya demi keselamatan saudara-saudaranya. Kasih seperti inilah yang

lahir daripada hati yang telah disentuh oleh Tuhan. Orang yang benar-benar mengenal Kristus tidak mudah menghukum, tetapi belajar menangis bersama mereka yang tersesat, mendoakan mereka yang jauh daripada Gereja dan terus berharap akan belas kasihan Tuhan.

Dalam Injil hari ini, para murid berada di tengah-tengah Tasik Galilea apabila ribut melanda.

Ombak besar menggoncang perahu mereka. Ketika ketakutan semakin memuncak, Yesus datang berjalan di atas air. Namun para murid menyangka Dia hantu lalu semakin takut.

Yesus segera berkata kepada mereka: “Tenanglah! Ini Aku. Jangan takut!” (Mat 14:27). Inilah antara ayat yang paling menghiburkan dalam seluruh Injil.

Sebelum Yesus angin reda, Dia terlebih dahulu menenangkan hati para murid. Ini menunjukkan bahawa Tuhan lebih dahulu mahu menghapuskan ketakutan dalam diri kita sebelum mengubah keadaan di sekeliling kita.

Petrus kemudian meminta izin untuk berjalan menuju Yesus di atas air. Selagi matanya tertumpu kepada Tuhan, dia mampu berjalan di atas ombak. Namun apabila dia mula memandang angin dan gelora laut, dia menjadi takut lalu mula tenggelam.

Bukankah itulah gambaran hidup kita? Selagi kita memandang kepada Kristus, kita mempunyai keberanian untuk menghadapi cabaran. Tetapi apabila perhatian kita hanya tertumpu kepada masalah, kegagalan dan ketidakpastian masa depan, ketakutan mula menguasai hati.

Namun yang paling indah ialah reaksi Yesus. Dia tidak membiarkan Petrus tenggelam. Sebaik sahaja Petrus berseru,

HARI MINGGU BIASA KE-19

TAHUN A

1 RAJA-RAJA 19:9, 11-13

ROMA 9:1-5

INJIL MATIUS 14:22-33

“Tuhan, selamatkanlah aku!”, Yesus segera menghulurkan tangan-Nya dan memegang Petrus.

Begitulah juga dalam kehidupan kita. Tuhan tidak pernah menjanjikan hidup tanpa ribut. Sebaliknya, Dia menjanjikan bahawa Dia akan sentiasa bersama kita ketika ribut melanda. Kadangkala Tuhan tidak serta-merta menghapuskan masalah, tetapi Dia memberikan kekuatan supaya kita mampu melaluinya dengan iman.

Dalam dunia yang penuh ketidakpastian hari ini, kita memerlukan lebih banyak saat hening seperti Elia, lebih banyak kasih seperti Santo Paulus dan lebih banyak kepercayaan seperti Petrus.

Dunia mengajar kita bergantung kepada kekuatan sendiri, tetapi Sabda Tuhan mengajar kita untuk percaya kepada Dia yang tidak pernah meninggalkan umat-Nya.

Marilah kita bertanya kepada diri sendiri: Bilakah kali terakhir saya benar-benar berdiam diri di hadapan Tuhan? Adakah saya lebih banyak mendengar suara dunia daripada suara Tuhan? Apabila badai kehidupan datang, adakah saya memandang kepada ombak atau kepada Kristus?

Semoga pada minggu ini kita belajar meluangkan masa untuk berdoa dalam keheningan, membuka hati kepada bisikan Roh Kudus dan dipercayai bahawa walaupun hidup bergelora, Yesus tetap datang menghampiri kita sambil berkata, “Tenanglah! Ini Aku. Jangan takut!” Bagi mereka yang percaya kepada-Nya, tiada ribut yang lebih besar daripada kasih dan kuasa Tuhan.

Fr Simon Bonifisius, Lantera Hidup

Pameran 103 relik suci di Gereja St Ignatius

PETALING JAYA: Kira-kira 1,800 umat Katolik dari seluruh Keuskupan Agung Kuala Lumpur meluahkan hujung minggu mereka untuk memperdalamkan iman melalui Pameran dan Penghormatan kepada 103 Relik Suci milik para Santo dan Beato di Gereja St Ignatius (SIC) pada Julai 18 dan 19 lalu.

Pameran selama dua hari itu menampilkan relik yang berkaitan dengan 92 orang santo dan beato, sekali gus mengajak para pengunjung merenungkan kesaksian hidup insan-insan kudus yang terus menjadi teladan dalam perjalanan menuju kekudusan.

Sambutan yang amat menggalakkan menyebabkan pameran melanjutkan waktu penutupan pada hari Ahad selama sejam, iaitu daripada pukul 2.00 petang kepada 3.00 petang, bagi memberi peluang kepada lebih ramai umat mengikuti pameran tersebut.

Pameran itu menarik kehadiran pelbagai lapisan usia, daripada kanak-kanak hingga warga emas. Ramai keluarga hadir bersama-sama, menjadikan kunjungan itu sebagai pengalaman doa yang bermakna.

Turut hadir ialah para paderi, relijius serta umat dari pelbagai paroki di Keuskupan Agung Kuala Lumpur sebagai sebahagian daripada persiapan menjelang pesta pelindung Gereja St Ignatius.



Merasmikan pameran tersebut, paderi paroki, Fr Thomas Koo, CDD, menyatakan harapannya agar pameran itu dapat “membangkitkan semula kerinduan kita untuk menjadi kudus” dengan menggalakkan umat meneladani keutamaan hidup para santo serta menghayati Sabda Bahagia (Mat 5:1-12). Penganjur turut menyediakan galeri maklumat yang menerangkan kehidupan para santo, proses kanonisasi dalam Gereja Katolik serta kepentingan relik.

Para pengunjung diingatkan bahawa umat Katolik menghormati relik dan para santo, bukannya menyembah mereka.

Relik merupakan tanda rahmat Tuhan yang berkarya dalam kehidupan mereka yang setia mengikuti Kristus serta menjadi sumber harapan akan kebangkitan.

Setiap pengunjung turut menerima sehelai kain untuk disentuhkan pada relik Kelas Pertama atau Kelas Kedua.

Selepas disentuhkan, kain tersebut menjadi relik Kelas Ketiga yang boleh dibawa pulang sebagai bantuan dalam devosi peribadi.

Selepas penghormatan kepada relik, para penziarah dijemput meluangkan masa di sudut doa untuk berdoa sebelum singgah di ruang 5 “Echoes of Grace”. Di situ mereka berpeluang menulis doa, kesaksian atau renungan rohani.



SOCCOM perkukuh misi pewartaan dalam era digital

RANAU: Semangat pewartaan Injil melalui media terus diperkukuh apabila lebih 100 penggiat komunikasi daripada seluruh Keuskupan Agung Kota Kinabalu berhimpun sempena Sambutan Hari Komunikasi Sedunia Ke-60 yang berlangsung di Gereja St Peter Claver, Ranau, pada Julai 3 hingga 4 lalu.

Program selama dua hari itu menghimpunkan wakil-wakil Komisi Komunikasi Sosial (SOCCOM) dari pelbagai paroki bagi memperbaharui komitmen mereka sebagai pewarta Injil dalam era digital, selain mengeratkan semangat persaudaraan dan kerjasama dalam pelayanan komunikasi Gereja.

Sambutan dimulakan pada hari pertama di Pusat Retret St Bede Kokob, dengan sesi refleksi bertemakan “Memelihara Suara dan Wajah Manusia” (*Preserving Human Voices and Faces*).

Melalui perkongsian dan perbincangan berkumpulan, para peserta

diajak merenungkan kepentingan komunikasi yang berteraskan kebenaran, keaslian dan martabat manusia dalam dunia digital yang semakin dipengaruhi oleh kecerdasan buatan, media sosial serta ledakan maklumat.

Sesi tersebut turut mengingatkan para peserta bahawa teknologi komunikasi perlu sentiasa menjadi alat yang membina persekutuan, menyampaikan harapan danewartakan Injil, bukannya memecahbelahkan masyarakat atau menghakis nilai kemanusiaan.

Pada sebelah malam, para peserta menyertai Malam Komunikasi, yang menjadi platform untuk mengukuhkan persahabatan, mempererat hubungan antara pasukan komunikasi dari pelbagai paroki, serta memupuk kerjasama yang lebih erat dalam misi evangelisasi.

Sambutan diteruskan pada hari kedua dengan Misa Kudus, diikuti majlis perasmian rasmi sambutan Hari Komunikasi Sedunia Ke-60.

Salah satu acara yang mencuri perhatian ialah upacara pemberkatan Dewan *Holy Family* dan studio komunikasi baharu di Gereja St Peter Claver.

Kemudahan tersebut dijangka memperkukuh usaha evangelisasi digital dan penghasilan kandungan media yang kreatif bagi menyokong pelayanan komunikasi di peringkat paroki dan keuskupan.

Majlis turut diserikan dengan persembahan kebudayaan yang mencerminkan kepelbagaian budaya di Sabah, sebelum para peserta menikmati jamuan makan tengah hari sebagai tanda kesyukuran dan persaudaraan.

Sebagai simbol kesinambungan pelayanan komunikasi dalam Gereja, majlis diakhiri dengan penyerahan rasmi bendera tuan rumah kepada Gereja St Thomas More, Kepyayan, yang akan menganjurkan Sambutan Hari Komunikasi Sedunia Ke-61 pada tahun 2027.

KUALA LUMPUR: Suasana penuh kesyukuran dan penghargaan mewarnai majlis jamuan sederhana yang dianjurkan oleh Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate (ABMA) bagi mengenang dan menghargai segala jasa serta pengorbanan Sr Irene Chengann sepanjang beliau melayani di Keuskupan Agung Kuala Lumpur.

Sejak memulakan pelayanan di Semenanjung Malaysia pada tahun 2007, Sr Irene telah mendedikasikan 19 tahun hidupnya untuk melayani umat dengan penuh kasih.

Sebagai satu-satunya anggota *Sisters of St Francis of Sarawak*

ABMA hargai 19 tahun pelayanan Sr Irene Chengann

(SSFS) yang berkhidmat paling lama di keuskupan ini, beliau telah menjadi tonggak penting, khususnya bagi Komuniti Umat Bahasa Malaysia (KUBM).

Sepanjang tempoh tersebut, Sr Irene bukan sekadar seorang relijius, malah menjadi penunjuk jalan yang bijaksana, pendengar yang setia, serta ibu rohani yang sentiasa ada untuk membimbing umat dalam perjalanan iman mereka.

Tahun 2026 menjadi penutup lebaran pelayanan beliau di tanah Semenanjung. Sr Irene

kini kembali ke Sarawak bagi meneruskan amanah pelayanan Tuhan di sana.

Kehadiran dan dedikasi yang beliau akan terus tersemat di hati komuniti.

Seluruh umat di Keuskupan Agung Kuala Lumpur, terutamanya ABMA dan KUBM menzahirkan rasa terima kasih yang tidak terhingga atas anugerah pelayanan beliau, serta mendoakan agar beliau terus diberkati dalam babak baharu pelayanan di Sarawak. **Sr Chennisia Seting, SSFS**



Selepas 26 tahun, Seminar Kesedaran dan Kesembuhan kembali ke KUK Gaulan

KENINGAU: Umat Komuniti Umat Katolik (KUK) St Maria Goretti, Gaulan sekali lagi diberkati melalui penganjuran Seminar Kesedaran dan Kesembuhan yang

dipimpin oleh Sr Judith bersama pasukannya pada Julai 17 hingga 19 lalu.

Seminar tersebut merupakan kali kedua dianjurkan di KUK Gaul-

an. Kali pertama diadakan ialah pada tahun 2000, iaitu 26 tahun lalu.

Seminar yang berlangsung selama tiga hari dua malam ini diser-

tai oleh 61 orang peserta dari KUK Gaulan dan dari sekitar paroki Katedral St Francis Xavier.

Misa Kudus pembukaan Seminar Kesedaran dan Kesembuhan dipimpin oleh Romo Eko Wahyu, OSC, dari Indonesia.

Paderi itu juga memimpin upacara Adorasi, memberikan pelayanan Sakramen Pengakuan serta mengadakan pelayanan kaunseling sepanjang seminar berlangsung.

Dalam Misa Kudus penutup, Msgr Gilbert berpesan, “Selagi kita hidup, kita ada pengharapan.

Selagi kita bernafas, selagi itu ada rahmat dan perlindungan. Dan selagi ada kesempatan dan masa, Tuhan sentiasa menantikan kepulangan kita.”

Pihak penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan seminar ini secara langsung mahupun tidak langsung melalui doa, sumbangan, tenaga dan komitmen.

Semoga hasil daripada seminar ini terus bertumbuh dan menjadi berkat dalam kehidupan setiap peserta serta komuniti.



Sahabat kecil Yesus

Hello anak-anak,

Dalam Injil hari ini, para murid berada di dalam sebuah perahu. Tiba-tiba angin bertiup kencang dan ombak menjadi besar. Mereka berasa sangat takut. Kemudian, Yesus datang kepada mereka dengan berjalan di atas air. Pada mulanya mereka menyangka itu hantu! Tetapi Yesus berkata, "Tabahkanlah hatimu! Akulah ini. Jangan takut." (Matius 14:27)

Kemudian, Petrus meminta izin untuk berjalan menuju Yesus di atas air. Selagi dia tetap memandang kepada Yesus, dia dapat berjalan di atas air.

Tetapi apabila Petrus melihat betapa kuatnya angin itu, dia menjadi takut lalu mula tenggelam. Yesus segera menghulurkan tangan-Nya dan menyelamatkan Petrus.

Anak-anak, kadang-kadang, kita juga menghadapi "ombak" dalam hidup. Mungkin kita takut menghadapi peperiksaan. Mungkin kita takut kepada guru yang tegas. Mungkin kita tidak bersemangat ke sekolah kerana bergaduh dengan kawan. Mungkin kita sedih kerana seseorang sakit.

Anak-anak, apabila kamu berasa takut atau risau minggu ini, berhenti sebentar dan ucapkan doa ini:

"Yesus, aku percaya kepada-Mu. Peganglah tanganku. Jangan biarkan aku takut. Amin."

Walaupun kita tidak dapat melihat Yesus dengan mata kita, kita percaya bahawa Dia sentiasa bersama kita. Dia tidak pernah meninggalkan kita.

Salam Sayang
Aunty Melly

Yesus Berjalan di Atas Air

Pada waktu malam, Yesus berjalan di atas air dan menghampiri perahu murid-murid-Nya. Mereka sangat takut! Tetapi Yesus berkata, "Tenanglah! Akulah ini. Jangan takut." (Matius 14:27)

✨ = Tabahkanlah hatimu!

✚ = Akulah

🌸 = Jangan

🐞 = ini.

🌺 = takut.

Tulis setiap perkataan pada kad mengikut simbol yang betul.

YESUS BERJALAN DI ATAS AIR (MATIUS 14: 22)

Empty speech bubbles for dialogue.

Gunting dialog di bawah. Kemudian tampalkan pada dialog percakapan yang betul.

Jangan takut! Akulah ini!

Itu hantu!

Bukan... Itu Yesus!

Maria Diangkat ke Syurga

Pada 15 Ogos, Gereja merayakan Maria yang diangkat ke syurga dengan jiwa dan raganya. Maria sentiasa dekat dengan Yesus.

♥ Salam Maria ♥

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Salam Maria _____ rahmat Tuhan _____ mu.

Terpujilah _____ di antara _____ dan _____ buah _____ mu Yesus.

Santa _____ Bonda _____, doakanlah kami yang _____ ini sekarang dan _____ kami _____.

Amin.

Maria sayang kita. Mari berdoa Salam Maria setiap hari!

BELIA

Setiap panggilan bermula dengan mendengar suara Tuhan

NILAI: Seramai 36 belia lelaki dari seluruh Keuskupan Agung Kuala Lumpur menyertai Kem Panggilan Keuskupan yang berlangsung di Gereja St Theresa, Nilai, dari Julai 10 hingga 12 lalu.

Bertemakan “Penemuan Dalam diri terhadap Panggilan Tuhan”, kem itu dibimbing oleh Fr Simon Labrooy dan Fr Surain Raj bagi membantu para peserta mengenali panggilan Tuhan, memperdalam kehidupan rohani serta menghayati kemuridan.

Sesi pertama bertajuk “Tuhan yang Memanggil – Satu Undangan Peribadi” mengajak peserta merenungkan hakikat bahawa setiap manusia diciptakan menurut imej dan rupa Tuhan.

Kesedaran ini mendorong setiap orang bertanya tentang tujuan sebenar kehidupan serta membuka hati kepada persoalan yang lebih mendalam: “Tuhan, apakah yang Engkau kehendaki daripadaku?”

Fr Simon mengingatkan bahawa perjalanan mengikuti panggilan Tuhan bukanlah usaha manusia mencari Tuhan, sebaliknya Tuhanlah yang terlebih dahulu mencari manusia.

Beliau mengajak peserta meneliti keadaan hati masing-masing sambil menegaskan bahawa setiap panggilan lahir daripada kasih Tuhan yang membawa manusia menuju kekudusan. Beliau turut memetik kata-kata Sri Paus Leo XIV bahawa setiap panggilan merupakan “jalan menuju keindahan”.

Dalam sesi kedua bertajuk “Kehidupan Dalam diri”, Fr Surain Raj menekankan pentingnya membina hubungan peribadi yang mendalam dengan Tuhan.

Fr Surain mengajak peserta merenungkan tiga persoalan utama: Apakah yang dimaksudkan dengan kehidupan dalam diri? Mengapa kita perlu mendengar? Mengapa keheningan itu penting?

Beliau menegaskan bahawa kehidupan rohani bertumbuh melalui doa dan keheningan, yang membuka ruang untuk mendengar suara Tuhan serta mengenali panggilan-Nya.

Sesi ketiga pula bertemakan “Kemuridan – Mengikuti Gembala Yang Baik”.

Fr Surain menegaskan bahawa sebelum seseorang dipanggil menjadi imam, dia terlebih dahulu dipanggil menjadi murid Kristus.

Beliau mengajak peserta merenungkan beberapa persoalan penting, antaranya sama ada kemuridan mendahului imamat, apakah harga yang perlu dibayar untuk mengikuti Yesus, dan apakah keindahan menyerahkan hidup sepenuhnya kepada Tuhan.

Melalui beberapa petikan Injil, para peserta melihat bagaimana Yesus memanggil para murid dengan undangan yang sederhana tetapi penuh makna: “Mari dan lihatlah”.

Jemputan yang sama, katanya, masih bergema hingga hari ini kepada setiap orang yang bersedia membuka hati terhadap panggilan Tuhan.

Fr Surain menjelaskan bahawa kemuridan menuntut kerendahan hati, penyangkalan diri dan kesediaan menyerahkan seluruh hidup demi kasih kepada Kristus.

Pada malam Sabtu, suasana menjadi lebih santai apabila para peserta diberi peluang berkongsi pengalaman iman serta



menceritakan bagaimana mereka mula menyedari panggilan Tuhan dalam kehidupan masing-masing.

Mereka juga bebas mengemukakan pelbagai persoalan berkaitan panggilan dan kehidupan sebagai paderi. Kemuncak kem berlangsung pada sesi terakhir bertajuk “Memberi Sahutan kepada Panggilan” yang sekali lagi dipimpin oleh Fr Simon.

Berpandukan petikan 1 Samuel 3:10, “Bersabdalah, ya Tuhan, kerana hambamu sedang mendengar,” beliau mengingatkan bahawa mendengar panggilan Tuhan sahaja tidak mencukupi; yang lebih penting ialah keberanian untuk menjawab panggilan itu.

Fr Simon mengajak para peserta merenungkan sama ada mereka benar-benar berada dalam kehendak Tuhan.

Beliau menegaskan bahawa panggilan bukanlah tentang kedudukan, kejayaan atau penghormatan, tetapi tentang kemu-

rahan hati dan kasih.

Kasih, katanya, merupakan ukuran sebenar bagi setiap panggilan.

Beliau mengakhiri sesi dengan menggalakkan para peserta agar tidak takut menyahut panggilan Tuhan kerana kehidupan akan menemukan keindahannya yang sejati apabila seseorang hidup bersama Kristus.

Sepanjang kem tersebut, para peserta bukan sahaja dibimbing untuk mengenali panggilan masing-masing, malah diajak memperdalam hubungan dengan Tuhan melalui doa, keheningan, refleksi dan perkongsian pengalaman.

Dengan semangat yang diperbaharui, para peserta pulang membawa keyakinan bahawa setiap panggilan merupakan anugerah Tuhan yang perlu disambut dengan keberanian, kesetiaan dan penyerahan diri demi menjadi saksi Kristus dalam dunia hari ini.

MISSION POSSIBLE bentuk belia sebagai agen perubahan

HUA HIN, Thailand: Pelajar sekolah menengah dari sekolah-sekolah Katolik di seluruh Thailand dicabar untuk menghayati semangat sinodal dalam kehidupan seharian sambil mempertahankan martabat manusia sempena pembukaan *MISSION POSSIBLE Youth Social Hackathon* musim ketiga pada Julai 24 lalu.

Program selama empat hari itu menghimpunkan 12 pasukan yang terdiri dari pelajar pelbagai sekolah Katolik di Hua Hin Vittayalai School dan Salesian *Retreat House*, Hua Hin, sebuah bandar peranginan di pesisir pantai barat daya Bangkok.

Program tersebut dianjurkan bersama oleh Persatuan Guru-Guru Katolik Thailand, Majlis Pendidikan Katolik Thailand dan *LiCAS News*.

Menurut penganjur, program itu merupakan sahutan kepada seruan Gereja agar umat “berjalan bersama” dalam semangat sinodal.

Melalui platform ini, golongan muda diberi peluang bekerjasama, saling mendengar serta menghasilkan penyelesaian praktikal terhadap pelbagai cabaran yang dihadapi masyarakat Thailand.

Para peserta turut digalakkan menghay-



ati seruan Sri Paus Leo XIV dalam *Magnifica Humanitas* supaya mempertahankan martabat manusia ketika membangunkan cadangan projek yang berpotensi menerima dana permulaan (*seed funding*).

Pengarah Eksekutif *LiCAS News*, Dr Peter Monthienvichienchai, mengajak para peserta

memikirkan bagaimana teknologi, khususnya kecerdasan buatan (AI), boleh dimanfaatkan tanpa mengabaikan nilai manusia.

“Apabila banyak pihak mempromosikan AI sebagai cara untuk mengurangkan kos buruh dan menggantikan tenaga kerja manusia, apakah idea yang akan anda kemukakan un-

tuk mempertahankan keluhuran martabat manusia?” katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Guru-Guru Sekolah Katolik Thailand, Dr Sasikorn Suangburanakul, berkata program tersebut bertujuan membantu golongan muda menyedari nilai diri serta potensi mereka untuk berbakti kepada masyarakat.

“Program ini memberi inspirasi kepada para pelajar untuk mengenali kehebatan dan nilai diri yang ada dalam diri mereka. Kesedaran itu akan mendorong mereka menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang lebih baik,” katanya.

Walaupun sebahagian besar peserta beragama Buddha, mereka menerima semangat sinodal dengan penuh keterbukaan melalui budaya saling mendengar, berdialog dan bekerjasama sepanjang sesi pembangunan idea yang dibimbing oleh para mentor.

MISSION POSSIBLE Youth Social Hackathon diperkenalkan di Thailand pada tahun 2024, sebelum diperluaskan ke Filipina pada tahun 2025. Penganjur kini merancang untuk membawa inisiatif tersebut ke lebih banyak negara di Asia Tenggara. **LiCAS News**

Berita singkat antarabangsa

Sri Paus Leo XIV ke Lourdes September Ini

VATIKAN: Kunjungan Sri Paus Leo XIV ke Perancis pada September 25 hingga 28 dijangka menjadi tumpuan dunia, khususnya susulan ketegangan politik dan kelulusan undang-undang euthanasia di negara itu.

Namun, mesej paling mendalam daripada lawatan tersebut dijangka lahir bukan di Paris, tetapi di Lourdes, pusat ziarah yang terkenal sebagai tempat harapan, penyembuhan dan belas kasih.

Dalam temu bual bersama *OSV News*, Uskup Tarbes dan Lourdes, Msgr Jean-Marc Micas, berkata lawatan kepausan itu merupakan satu penghormatan besar kepada Lourdes, yang bakal menerima kunjungan Paus buat kali ketiga dalam sejarah.

Pada September 26, Sri Paus akan tiba di Lourdes dari Paris. Keesokan harinya, beliau akan memimpin Misa Kudus di hadapan Gua Penampakan Santa Perawan Maria kepada Santa Bernadette Soubirous pada tahun 1858.

Bapa Suci juga dijangka ber-

temu para penziarah yang sakit, yang menjadi nadi pelayanan di Lourdes.

Uskup Micas menegaskan bahawa tujuan utama kunjungan itu ialah sebagai seorang penziarah dan gembala Gereja, bukannya untuk memberi perhatian kepada isu lain yang berkaitan dengan tempat suci tersebut.

Beliau berkata Lourdes tetap dikenali kerana peristiwa Penampakan Bonda Maria Yang Dikandung Tanpa Noda serta misinya membawa penghiburan kepada mereka yang menderita.

Menyentuh isu mosaik karya bekas paderi Yesuit, Marko Rupnik, yang sebahagiannya ditutup berikutan dakwaan penderaan seksual, Uskup Micas menjelaskan keputusan itu dibuat demi menjaga kepekaan para mangsa dan memastikan tiada halangan bagi mereka yang datang mencari penyembuhan rohani di Lourdes. Beliau turut memaklumkan bahawa Sri Paus berkemungkinan akan bertemu mangsa penderaan seksual semasa lawatan itu.

Media Vatikan

Medjugorje dicemari vandalisme

MEDIJUGORJE, Bosnia-Herzegovina: Polis sedang menyiasat beberapa insiden vandalisme dan penodaan yang berlaku di Medjugorje, lokasi ziarah terkenal yang dikaitkan dengan dakwaan penampakan Bonda Maria sejak tahun 1981.

Paroki St Yakobus dalam kenyataan pada Julai 28, melahirkan rasa sedih terhadap kejadian itu dan kerja-kerja pembersihan serta pembaikan sedang dijalankan.

Paroki turut mengajak umat mendoakan pertobatan pelaku sambil menegaskan Gereja kekal dibuka kepada para penziarah.

Menurut polis, beberapa

patung Bonda Maria telah disemur cat hitam dan dicemari dengan kata-kata menghina, termasuk dakwaan bahawa "Medjugorje adalah penipuan".

Sebuah sepanduk turut ditemui memaparkan nama enam individu yang mendakwa menerima penampakan Bonda Maria pada 1981, sebagai penipu.

Dewan Antara Agama Bosnia dan Herzegovina mengecam insiden itu sebagai penghinaan terhadap umat Katolik dan serangan terhadap keamanan serta keharmonian masyarakat.

UCA News

Pengasas Labenon moden kini Beato

DIMANE, Labenon: Gereja Katolik Maronit merayakan beatifikasi Patriark Elias Peter Hoyek (1843–1931), seorang tokoh Gereja dan negarawan yang memainkan peranan penting dalam pembentukan Labenon moden.

Upacara beatifikasi pada Julai 25 di kediaman musim panas Patriark Maronit di Dimane dipimpin oleh Patriark Maronit Antiokhia, Kardinal Bechara Boutros Rai.

Kardinal Marcello Semeraro mewakili Sri Paus Leo XIV, manakala Presiden Lubnan Joseph Aoun, Perdana Menteri Nawaf Salam, para patriark Gereja Timur, uskup, paderi dan ratusan umat turut hadir.

Patriark Hoyek menjadi Patriark Maronit kedua yang diangkat sebagai Beato, selepas Patriark Estephan al-Douaihy pada tahun 2024.

Sri Paus Leo XIV meluluskan beatifikasinya selepas Vatikan mengiktiraf mukjizat yang berlaku melalui perantaraannya.

Dilahirkan pada Disember 4, 1843 di Helta, utara Labenon,

Hoyek ditahbis sebagai paderi pada 1870 dan dilantik sebagai Patriark Maronit pada 1899.

Beliau turut mengasaskan Kongregasi para Sister Maronit Keluarga Kudus, institusi religius wanita apostolik pertama dalam Gereja Maronit.

Semasa kebuluran yang melanda Labenon ketika Perang Dunia Pertama, beliau mengarahkan biara dan rumah religius membuka pintu kepada semua yang kelaparan tanpa mengira agama.

Pada Persidangan Damai Versailles 1919, beliau memperjuangkan kemerdekaan Labenon serta pengiktirafan sempadan bersejarah negara itu, sekali gus dikenali sebagai "Bapa Pengasas Labenon Moden".

Mukjizat yang membawa kepada beatifikasinya melibatkan penyembuhan luar biasa seorang pegawai tentera beragama Druze, Nayef Abou Assi, sembuh daripada penyakit tulang belakang pada tahun 1965 selepas memohon doa syafaat Patriark Hoyek. **UCA News**

Sinodaliti bukan beban

tetapi cara hidup

JAKARTA: Sinodaliti hanya akan berakar di Asia apabila ia dihayati sebagai suatu cara hidup, bukannya sekadar satu lagi program pastoral. Demikian penegasan Setiausaha Bersekutu Persekutuan Federasi Konferensi para Uskup Asia (FABC), Fr Clarence Devadass, semasa sidang media kedua Perhimpunan Agung FABC Ke-12 pada Julai 24 di Hotel Mulia, Jakarta.

Fr Clarence, yang juga Setiausaha Eksekutif Pejabat Sinodaliti FABC, berkata Sinode mengenai Sinodaliti kini memasuki fasa pelaksanaan.

Oleh itu, setiap Gereja tempatan dipanggil untuk menjadikan sinodaliti sebagai sebahagian daripada kehidupan harian Gereja, dan bukannya melihatnya sebagai projek atau inisiatif sementara.

Menurut beliau, antara cabaran terbesar di Asia ialah tanggapan bahawa sinodaliti hanyalah satu lagi program yang perlu ditambah dalam kalendar pastoral yang sudah padat.

Ramai paderi dan petugas pastoral berasa terbeban kerana menganggap mereka diberi satu lagi tugas baharu.

Namun, beliau menegaskan bahawa sinodaliti bukanlah beban tambahan, sebaliknya satu cara baharu melaksanakan misi Gereja melalui semangat saling mendengar, membuat penegasan bersama, penyertaan aktif dan tanggungjawab bersama.

"Ramai orang beranggapan sinodaliti hanyalah satu lagi aktiviti atau program. Hakikatnya, sinodaliti bukan tentang menambah lebih banyak tugas untuk dilakukan, tetapi mengubah cara kita melaksanakan apa yang sudah kita lakukan," katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa pelaksanaan sinodaliti di Asia mempunyai cabaran tersendiri memandangkan benua ini kaya dengan kepelbagaian budaya, bahasa dan konteks sosial.

Malah, menterjemahkan istilah "sinodaliti" ke dalam bahasa tempatan juga bukanlah sesuatu yang mudah.

"Tidak ada satu model yang sesuai untuk semua Gereja di Asia. Setiap Gereja tempatan perlu membuat penegasan tentang bagaimana sinodaliti dapat dihayati mengikut realiti dan konteks masing-masing," katanya.

Bagi Fr Clarence, isu yang lebih

mendasar bukanlah soal bahasa, tetapi pembaharuan rohani.

Beliau menjelaskan bahawa sinodaliti perlu menjadi satu bentuk kerohanian yang membentuk cara Gereja hidup setiap hari, dan bukannya sekadar satu proses atau metodologi.

"Jika sinodaliti hanya kekal sebagai satu proses, orang akan bertanya, 'Apa pula selepas ini?' Tetapi jika ia menjadi satu kerohanian, ia akan membentuk cara kita hidup setiap hari," katanya.

Beliau menambah bahawa semangat ini perlu meresapi setiap aspek kehidupan Gereja, termasuk majlis pastoral paroki, majlis kewangan, perhimpunan keuskupan, pelbagai pelayanan serta proses membuat keputusan.

Mengakhiri sidang media itu, Fr Clarence mengingatkan bahawa pembaharuan sinodal bukan sekadar melibatkan perubahan struktur atau organisasi.

Sebaliknya, Gereja dipanggil untuk beralih daripada sekadar mengekalkan struktur sedia ada kepada menjadi Gereja yang lebih misionari, sentiasa keluar mewartakan Injil tanpa meninggalkan kekayaan tradisi yang dimilikinya.

Media FABC

Vademecum sinodaliti Asia mula dirangka



Penyediaan *Vademecum* dimulakan melalui pendekatan "Pengalaman Emaus", yang menggabungkan doa, keheningan, renungan peribadi dan Perbualan dalam Roh (*Conversation in the Spirit*).

Berbeza daripada sesi-sesi sebelumnya yang memfokuskan pengalaman Gereja tempatan, para delegasi kali ini bekerjasama mengenal pasti keutamaan pasto-

ral dan cadangan praktikal yang dapat membantu Gereja di seluruh Asia menghayati sinodaliti mengikut realiti masing-masing.

Perhimpunan itu sekali lagi menegaskan bahawa sinodaliti bukan sekadar menghasilkan dokumen, tetapi mendengar suara Roh Kudus bersama-sama dan menterjemahkan penegasan tersebut ke dalam kehidupan serta misi harian Gereja di Asia. **Media FABC**

VATIKAN: “Ketika budaya kepenggunaan mempengaruhi cita rasa kita dengan sentiasa mencipta keperluan-keperluan baharu hanya untuk menjual penyelesaian yang tidak pernah benar-benar memuaskan, malah kadangkala meracuni hati, kita perlu belajar mengenal pasti apa yang sungguh penting.”

Demikian peringatan Sri Paus Leo XIV sebelum memimpin doa Angelus tengah hari pada 26 Julai lalu, ketika mengakhiri percutian musim panasnya di Castel Gandolfo. Bapa Suci dijadualkan kembali ke Vatikan pada Julai 27.

Merenungkan bacaan Injil hari itu (Mat 13:44–52), Sri Paus mengajak umat menghayati misteri Kerajaan Tuhan dan menyahut panggilan Yesus yang mampu memenuhi kerinduan hati manusia.

Menurut beliau, inti ajaran Yesus ialah Kerajaan Tuhan yang diumpamakan sebagai harta yang terpendam dan mutiara yang sangat berharga. Mereka yang menemuinya sanggup meninggalkan segala-galanya kerana menyedari bahawa apa yang diperoleh jauh lebih bernilai daripada apa yang dikorbankan.

Sri Paus menjelaskan bahawa pertemuan dengan Kerajaan Tuhan menjadi titik perubahan yang tidak menyempitkan kehidupan, sebaliknya memperluaskan hati kepada kemungkinan yang lebih besar. Panggilan untuk mengikuti Kristus ialah satu pilihan yang bebas, namun begitu kuat sehingga mampu menggerakkan seseorang untuk menyahutnya dengan segera dan sepenuh hati.

Uskup Roma itu turut menegaskan bahawa Kerajaan Tuhan terbuka kepada semua orang tanpa mengira latar belakang, budaya atau kedudukan.

Melalui pelbagai perumpamaan, Yesus menunjukkan bahawa setiap orang dipanggil kepada pembaharuan hidup dan dipersatukan dalam



Belajarl mengenal

Harta yang sungguh penting

Kristus, yang merupakan harta yang terpendam, mutiara yang tidak ternilai dan sumber kesatuan seluruh umat manusia.

Bapa Suci berkata bahawa seperti Raja Salomo yang memohon kebijaksanaan daripada Tuhan (rujuk 1 Raj 3:5, 7–12), umat Kristian juga perlu memohon anugerah yang sama agar mampu mengenali harta rohani yang sejati.”

“Apa yang perlu kita lakukan hanyalah memohon anugerah yang sama seperti yang diminta oleh Raja Salomo ketika masih muda.”

“Anugerah itu ialah kebijaksanaan untuk mengenali mutiara yang sangat berharga dan membezakan harta yang begitu bernilai sehingga layak untuk kita menyerahkan segala-galanya demi memilikinya,” katanya.

Mengulas cabaran dunia moden, Sri Paus mengingatkan bahawa budaya kepenggunaan sering membentuk cita rasa manusia dengan mencipta keperluan-keperluan baharu yang akhirnya gagal memberikan kepuasan sebenar.

Menurut Sri Paus, hubungan dengan Tuhan itulah yang membuka hati kepada sukacita sejati dan membantu kita menghayati hubungan dengan sesama secara lebih mendalam.

Mengakhiri renungannya, Bapa Suci memohon syafaat Santa Perawan Maria, Takhta Kebijaksanaan, agar setiap orang sentiasa mengarahkan kerinduan hati mereka kepada Yesus, menemukan di dalamnya harta yang paling berharga serta menikmati kepenuhan hidup dan sukacita yang kekal. **Aleteia**

Jus rohani untuk jiwa

Tujuh perkara ketika kita putus asa

Setiap orang pernah melalui saat-saat keletihan dan keputusasaan. Ada yang letih kerana beban kerja, ada yang kecewa akibat kehilangan insan tersayang, kegagalan, masalah kewangan, konflik keluarga atau penyakit yang berpanjangan.

Berikut ialah tujuh langkah yang dapat membantu kita menghadapi keletihan dan keputusasaan menurut iman Katolik.

1. Datang kepada Tuhan dalam doa

Apabila hati letih, jangan menjauh daripada Tuhan. Walaupun hanya mampu berkata, “Tuhan, tolonglah saya,” doa yang lahir daripada hati yang tulus sudah cukup untuk membuka ruang kepada rahmat-Nya.

2. Dengarkan Sabda Tuhan

Jangan hanya mencari jawapan di media sosial atau internet. Luangkan masa membaca Injil setiap hari. Sabda Tuhan mampu menerangi hati yang sedang keliru dan memberi harapan baharu.

“Firman-Mu itu pelita bagi kakiku...” (Mzm 119:105)

3. Mohon bimbingan Roh Kudus

Roh Kudus ialah Penghibur yang dijanjikan oleh Yesus. Berdoalah setiap hari:

“Datanglah, ya Roh Kudus. Pimpinlah aku hari ini.” Kadangkala perubahan yang terbesar bukan berlaku pada keadaan kita, tetapi pada hati kita.

4. Terus berharap melalui pelayanan

Apabila hati terluka, cubalah melakukan satu tindakan kasih. Mengunjungi orang sakit, membantu jiran atau mendengar luahan seseorang sering menjadi jalan Tuhan menyembuhkan hati kita sendiri.

5. Bersyukur atas rahmat yang kecil

Ketika putus asa, kita mudah hanya melihat apa yang hilang. Cuba catat tiga perkara yang boleh disyukuri setiap hari. Rasa syukur membuka mata kita untuk melihat bahawa Tuhan masih berkarya, walaupun dalam perkara-perkara kecil.

“Bersyukurlah dalam segala keadaan.” (1 Tes 5:18)

6. Belajar menerima bahawa Tuhan juga memanggil kita untuk berehat

Ramai orang berasa bersalah apabila berehat. Namun Yesus sendiri mengajak para rasul:

“Marilah ke tempat yang sunyi dan berehatlah seketika.” (Mrk 6:31)

7. Salib bukan pengakhiran

Setiap penderitaan orang Kristian



sentiasa dipandang dalam terang Kebangkitan Kristus. Salib memang menyakitkan, tetapi ia bukan penghujung cerita. Tuhan mampu mengubah air mata menjadi sukacita dan kegagalan menjadi permulaan yang baharu.

Keletihan dan keputusasaan bukan tanda bahawa Tuhan telah meninggalkan kita. Sebaliknya, saat-saat itulah kita dipanggil untuk lebih dekat kepada-Nya. Melalui doa, sakramen, Sabda Tuhan, bimbingan Roh Kudus, sokongan komuniti dan pelayanan kepada sesama, kita menemukan semula kekuatan untuk melangkah. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

Sebelum MPC 2026 ... berdoalah

Menjelang Konvensyen Pastoral Malaysia (MPC) 2026 di Sibu pada September 9 hingga 13 nanti, persiapan kita bukan sekadar melibatkan aspek logistik atau penganjuran. Yang jauh lebih penting ialah persiapan rohani seluruh umat. Jika kita benar-benar percaya bahawa Roh Kudus ialah penggerak utama setiap pembaharuan pastoral, maka doa perlu menjadi asas kepada seluruh perjalanan ini.

Namun, berdasarkan pemerhatian di banyak paroki, doa rasmi MPC 2026 masih jarang didaraskan. Ada kalanya doa tersebut langsung tidak didoakan dalam Misa Kudus, sedangkan MPC semakin hampir. Saya percaya ramai umat sebenarnya telah mengucapkan doa itu berkali-kali tanpa menyedari bahawa itulah doa rasmi MPC 2026. Bagi sesetengah orang, ia mungkin dianggap sekadar doa biasa atau doa untuk keuskupan.

Oleh itu, izinkan saya mengemukakan satu cadangan yang sederhana. Sehingga konvensyen berlangsung, setiap paroki boleh memasukkan doa rasmi MPC 2026 secara tetap ke dalam Doa Umat pada setiap Misa Kudus. Langkah ini bukan sekadar menambah satu intensi dalam liturgi, tetapi menjadi tanda bahawa seluruh Gereja di Malaysia sedang berjalan bersama dalam semangat sinodal.

Pada masa yang sama, usaha memperkenalkan MPC kepada umat tidak semestinya memerlukan program yang besar atau perbelanjaan yang tinggi.

Langkah-langkah kecil tetapi konsisten sudah memadai untuk membina kesedaran. Misalnya, poster MPC boleh dipamerkan di pintu masuk Gereja dan dewan paroki, slaid ringkas mengenai MPC ditayangkan selama satu minit sebelum Misa Kudus bermula, manakala segmen “Tahukah Anda?” boleh diperkenalkan dalam pengumuman mingguan dengan berkongsi satu fakta atau maklumat ringkas mengenai MPC dalam masa sekitar 30 saat. Logo dan doa rasmi MPC juga boleh dicetak pada bahagian belakang risalah Misa atau buletin paroki sebagai peringatan berterusan kepada umat.

Bukan semua umat berpeluang hadir sebagai delegasi di Sibu. Namun, MPC bukan milik para delegasi semata-mata. Harapan kita ialah agar semangat, rahmat dan buah-buah konvensyen ini dapat mengalir ke setiap paroki, keluarga dan komuniti di seluruh negara. Dengan cara itu, setiap umat turut mengambil bahagian dalam perjalanan sinodal Gereja, walaupun tidak hadir secara fizikal di tempat konvensyen berlangsung.

Perhimpunan Agung Penuh Ke-12 Federasi Konferensi para Uskup Asia (FABC) yang berakhir di Jakarta pada Julai 26 lalu mengingatkan Gereja di Asia khususnya menjelang MPC 2026 bahawa sinodaliti bukan sekadar slogan, tetapi suatu cara hidup yang menuntut kita mendengar, berdialog dan berjalan bersama.

Pada akhir Perhimpunan Agung itu, para Uskup memperkenalkan *Vademecum* Sinodaliti untuk Asia, sebuah panduan pastoral yang bertujuan membantu Gereja-gereja tempatan menghayati dan melaksanakan semangat sinodal dalam kehidupan seharian. Panduan ini mengingatkan kita bahawa perjalanan sinodal tidak berakhir apabila sesebuah konvensyen selesai atau resolusi diluluskan. Sebaliknya, setiap keputusan perlu diterjemahkan kepada tindakan nyata dalam kehidupan paroki, pelayanan dan komuniti.

Semangat yang sama perlu menjadi jiwa kepada MPC 2026. Pembaharuan pastoral tidak bermula di dewan persidangan, tetapi di bangku-bangku gereja, dalam doa umat, di meja makan keluarga, di bilik mesyuarat paroki dan di hati setiap orang beriman.

Semoga apabila tirai MPC 2026 dibuka di Sibu nanti, seluruh Gereja di Malaysia bukan sahaja mengetahui tentang konvensyen ini dan mengiringinya dengan doa, malah bersedia menghidupi segala pembaharuan yang lahir daripadanya.

Hanya apabila setiap paroki, komuniti dan keluarga menjadikan semangat mendengar, berdialog dan berjalan bersama sebagai budaya hidup, barulah buah-buah MPC benar-benar dapat dirasakan demi membina Kerajaan Tuhan di bumi.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my

atau

WhatsApp: 011-26391498



Kaul kekal Friar Joshua Yong: sahutan “Ya” seumur hidup

KOTA KINABALU: Suasana penuh syukur menyelubungi Gereja St Thomas More, Kapayan pada Julai 25 apabila Friar Joshua Yong, OFMCap, mengikrarkan Kaul Kekal (*Perpetual Profession*) dalam Perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Uskup Agung Kota Kinabalu, Uskup Agung John Wong.

Dalam upacara yang berlangsung pada jam 9.00 pagi itu, *Custos Capuchin Custody of Malaysia-Singapore*, Friar Gilbert James, OFMCap, menerima kaul Friar Joshua bagi pihak Ordo Kapusin.

Melalui kaul kekal tersebut, Friar Joshua dengan bebas dan penuh sukacita menyerahkan seluruh hidupnya untuk menghayati Injil menurut semangat Santo Fransiskus Assisi sepanjang hayatnya sebagai seorang Saudara Kapusin.

Dalam perutusannya, Uskup Agung John Wong mengingatkan bahawa panggilan hidup bakti merupakan anugerah Tuhan yang menuntut kesetiaan, kerendahan hati dan semangat pelayanan menurut teladan Kristus.

Prelatus itu menyifatkan kaul kekal itu sebagai detik penuh rahmat bukan sahaja bagi Friar Joshua, tetapi juga bagi seluruh Gereja yang bakal dilayaninya.

Beliau mengingatkan bahawa panggilan sebagai seorang “Saudara Dina” (*Lesser*

Brother) bukanlah untuk meninggikan diri, tetapi memilih jalan kerendahan hati, kesederhanaan dan persaudaraan, sebagaimana dihayati oleh Santo Fransiskus Assisi.

Uskup Agung John turut menyifatkan kaul kekal sebagai satu “ya” yang indah dan berani kepada Tuhan, iaitu komitmen untuk menghayati Injil dengan setia sepanjang hayat.

Beliau mengakui perjalanan panggilan bukanlah mudah, namun menegaskan bahawa Tuhan sendiri akan menjadi sumber kekuatan dan pembimbing bagi mereka yang tetap berakar dalam hubungan dengan-Nya.

Beliau menggesa umat agar terus mengiringi Friar Joshua dengan doa supaya beliau sentiasa setia kepada panggilannya serta menjadi saksi kasih dan belas kasihan Kristus melalui kehidupan yang sederhana, rendah hati dan penuh sukacita.

Sementara itu, dalam perutusannya, Friar Gilbert James berkata kaul kekal bukan sekadar komitmen hidup untuk membiara, tetapi memperdalam rahmat pembaptisan yang telah diterima sejak awal kehidupan Kristian.

Beliau menjelaskan bahawa melalui kaul tersebut, seorang religius mengikrarkan hidup menurut nasihat Injil dalam semangat Fransiskan, sekali gus menjadi saksi kepada dunia yang sering mengutamakan kesele-

saan dan kepentingan diri.

Mengambil kata-kata Yesus dalam Lukas 9:23, beliau mengingatkan bahawa setiap murid Kristus dipanggil memikul salib setiap hari dan mengikuti-Nya dengan setia.

Friar Gilbert turut berharap kesaksian hidup Friar Joshua akan menjadi inspirasi kepada lebih ramai orang muda untuk berani mendengar dan menyahut panggilan Tuhan.

Check-in tanpa check-out

Bagi Friar Joshua, kaul kekal merupakan komitmen yang tidak boleh dipandang ringan.

Beliau mengibaratkannya sebagai “*check-in* tanpa *check-out*”, iaitu penyerahan diri sepenuhnya kepada Kristus sehingga akhir hayat.

“Saya sudah membakar jambatan di belakang. Sebagai seorang religius Kapusin, kaul ini adalah komitmen total jiwa dan raga saya kepada Kristus sampai nafas terakhir,” katanya.

Beliau mengakui sangat terinspirasi oleh Santo Felix dari Cantalice yang terkenal dengan ketaatan dan kerendahan hatinya.

Dalam doa peribadinya, Friar Joshua memohon agar Tuhan mengurniakan hati yang teguh untuk memikul salib, namun tetap lembut dan penuh belas kasihan



dalam melayani sesama.

Beliau juga berdoa agar dijauhkan daripada kesombongan dan sentiasa dikurniakan rahmat kesetiaan sehingga akhir hayat.

“Saya mahu tetap kecil agar hanya kebesaran Tuhan yang terpancar melalui hidup saya,” katanya.

Mengakhiri perkongsiannya, Friar Joshua berkata harapannya bukanlah untuk menjadi seorang religius yang terkenal, tetapi menjadi saluran kasih Tuhan kepada semua orang.

“Saya mahu mengakhiri perjalanan hidup dengan tenang, sebagai seorang Saudara Kapusin yang setia kepada panggilan dan menjadi saudara kepada semua orang.”

LABUAN: Seramai 365 anggota *Order Franciscan Secular* (OFS) dari 14 fraterniti yang mewakili tiga keuskupan di Sabah berhimpun di Gereja Blessed Sacrament, Labuan, pada Julai 24 hingga 26 lalu.

Retret Tahunan OFS 2026 bukan sekadar mengeratkan persaudaraan, malah mengajak para peserta memperbaharui komitmen untuk menjadi “agen damai Tuhan dalam dunia yang memerlukan harapan, rekonsiliasi dan kasih.”

Fr Thomas Madanan memimpin Misa Kudus pembukaan, diikuti sesi pertama yang mengupas tema tahunan berasaskan Sabda Bahagia: “Berbahagialah orang yang membawa damai” (Mat 5:9).

Dalam refleksinya, Fr Thomas menegaskan bahawa kedamaian bukan sekadar keadaan tanpa konflik, tetapi identiti setiap anak Tuhan.

Beliau mengajak peserta menghayati semangat Fransiskan *Pax et Bonum* (Damai dan Kebajikan), iaitu warisan Santo Fransiskus dari Assisi yang mengutamakan kerendahan hati, belas kasihan, pelayanan dan perdamaian. Sesi seterusnya dikendalikan oleh Friar Gerald, OFM, yang membawa peserta menyelami perjalanan pertobatan menurut spiritualiti Fransiskan.

Beliau mengingatkan bahawa setiap insan mempunyai “padang gurun hati” yang menyimpan luka, kemarahan dan kelemahan. Namun, di tempat itulah Tuhan berbicara dan menawarkan penyembuhan.

Friar Gerald menjelaskan bahawa *penitenza*, atau pertobatan yang berterusan, bukanlah tentang membenci diri sendiri, tetapi kembali kepada kasih Tuhan melalui pemeriksaan hati, doa dan pembaharuan hidup.



OFS Sabah perbaharui komitmen jadi pembawa damai

Mengambil inspirasi daripada kehidupan Santo Fransiskus dari Assisi, Friar Gerald mengupas beberapa peristiwa penting yang membentuk spiritualiti Fransiskan. Kisah San Damiano mengingatkan bahawa Tuhan sentiasa memanggil umat-Nya untuk membina semula hati yang terluka dan memperbaharui iman.

Pertemuan Santo Fransiskus dengan pesakit kusta pula memperlihatkan bagaimana kasih mampu mengubah kepahitan menjadi belas kasihan, manakala perdamaian dengan serigala Gubbio melambangkan keberanian berdamai dengan konflik.

Beliau turut mengajak peserta meneladani semangat kesederhanaan di Greccio, keberanian berdialog dengan

Sultan Mesir, serta penyerahan diri sepenuhnya kepada Tuhan melalui pengalaman Santo Fransiskus menerima stigma Kristus di La Verna.

Sepanjang retret, para peserta digalakkan menghayati spiritualiti Fransiskan melalui kesederhanaan, persaudaraan, penjagaan alam ciptaan dan menjadi pembawa damai dalam keluarga, fraterniti, paroki serta masyarakat.

Retret diakhiri dengan Misa Kudus dan majlis penutupan yang menyaksikan ucapan penghargaan daripada Local Minister Juliana Rajatin serta National Minister Harry Lawrence.

Pada majlis yang sama, diumumkan bahawa Katedral St Mary, Sandakan akan menjadi tuan rumah Retret Tahunan OFS 2027. **Evelyn Justine**

Kagape 2026 perkukuh semangat sinodal, persaudaraan

KUALA LUMPUR: Komuniti Bahasa Apostolate menganjurkan Pesta Kagape 2026 di Gereja Sacred Heart of Jesus, Jalan Peel, bertemakan “Bersatu dalam Sinodaliti, Inklusif dalam Pelayanan, Merayakan Kesyukuran.”

Perayaan dimulakan dengan Misa Kesyukuran pada Julai 25, diikuti Pesta Kagape pada Julai 26 yang menghimpunkan umat dalam suasana penuh kegembiraan, persaudaraan dan kesatuan.

Misa Kesyukuran dipimpin oleh Friar Ravi Alexander bersama Msgr Stanislaus.

Tema Kagape tahun ini mengajak umat menghayati semangat sinodaliti dengan berjalan bersama sebagai satu komuniti, saling menerima dan melayani tanpa mengira latar belakang, sambil sentiasa mensyukuri segala rahmat yang dianugerahkan Tuhan.

Berteraskan moto “Dalam Cinta Kasih Yesus, Kita Bersatu,” Pesta Kagape bukan sekadar menjadi medan pertemuan, tetapi juga memperbaharui komitmen umat untuk memperkukuh perpaduan, menghayati semangat pelayanan serta menjadi saksi kasih Kristus dalam kehidupan seharian.

